



## Peri pentingnya pemilikan Tanah Adat yang diiktiraf: Memahami keperluan Komuniti Bidayuh Serian, Sarawak

Mohd Syafiq Akmal Kasimun@Katmon<sup>1</sup>, Azima Abdul Manaf<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Syafiq Akmal Kasimun@Katmon (email: syafiq\_ukm@yahoo.com)

### Abstrak

Perhubungan di antara komuniti Bidayuh dan tanah adat merupakan satu pertalian yang unik dan kompleks. Hal ini kerana tanah merupakan nadi dan identiti bagi komuniti Bidayuh dan amat bermakna kepada mereka dan ianya tidak hanya berdasarkan ekonomi semata-mata. Namun, wujudnya jurang makna dalam konteks pemilikan mengakibatkan tanah adat sukar untuk memperoleh pengiktirafan dari segi perundangan formal seterusnya menyebabkan hak-hak sosial, ekonomi, kebudayaan dan politik komuniti terjejas. Sehubungan itu, kajian ini meneliti kepentingan keperluan komuniti Bidayuh terhadap pemilikan tanah adat yang diiktiraf. Kajian ini melibatkan enam buah kampung di Serian, Sarawak iaitu Kg. Kekai, Kg. Mongkos, Kg. Diang, Kg. Tong Nibong, Kg. Mentu Tapu, dan Kg. Pridan. Data dan maklumat primer diperolehi melalui hasil *Focus Group Discussion* bersama 53 orang pemilik-pemilik tanah adat dan *in-depth interview* terhadap 17 orang informan. Hasil kajian mendapati bahawa keperluan komuniti terhadap pengiktirafan pemilikan tanah adat terbahagi kepada empat aspek utama yang merangkumi aspek sosial (identiti budaya, kerohanian, tempat tinggal, pewarisan adat), ekonomi (sumber makanan, ekonomi tradisi dan komersil, persaingan sumber), politik dan undang-undang (perlindungan dan keselamatan tanah, tahap penglibatan dan pemeraksanaan, kuasa membuat keputusan dan pelaksanaan pembangunan) dan ekologi (kelangsungan hidup, persekitaran semula jadi).

**Katakunci:** isu pemilikan tanah adat, komuniti Bidayuh, interpretasi tanah adat, pengiktirafan pemilikan, perundangan formal, tanah adat

## The imperative of ownership recognition of the Native Customary Right Land (NCR): Understanding the needs of the Bidayuh community of Serian, Sarawak

### Abstract

Native lands in most parts of the world often pose crucial challenges to mainstream governance. This is mainly because land is the heart and identity of the native community and means the world to them not just in economic terms. In the case of the Bidayuh community of Serian, Sarawak the relationship between land and native identity is even unique and more complex because there seems to exist a gap between the official and the natives' interpretations of the meaning of Customary Land Ownership Right (NCR). This resulted in difficulties for the Bidayuh to obtain formal legal recognition of their customary land which further jeopardised their social, economic, cultural and political interests. This study attempted to gauge the importance of the need for such land ownership recognition among the Serian's Bidayuhs of Kg. Kekai, Kg. Mongkos, Kg. Diang, Kg. Tong Nibong, Kg. Mentu Tapu, and Kg. Pridan. Primary data and information were obtained through focus group discussions with 53 landowners and in-depth interviews with 17 informants. The study found four main areas of the Bidayuh needs, namely, social (cultural identity, spirituality, residence, customary inheritance), economic (food sources, traditional economy and commerce, competition for resources), political-legal (protection and land safety, participation and

empowerment, decision-making and development), and ecological (sustainability of life, integrity of the natural environment).

**Keywords:** Bidayuh community, formal legislation, Native Customary Right Land (NCR), NCR interpretations, NCR ownership issues, recognition of ownership

## Pengenalan

Di bawah seksyen 2(a) Kanun Tanah Sarawak 1958, tanah adat atau *Native Customary Right Land (NCR)* didefinisikan sebagai “tanah di mana hak adat Bumiputera (NCR) telah didapati secara komunal ataupun selainnya mengikut undang-undang sebelum 1hb Januari 1958 dan masih sah diperlakukan”. Semenjak zaman pemerintahan Rajah Brooke (1841-1946), tanah adat telah diiktiraf oleh pihak pemerintahan dengan penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan tanah kerana menyedari tentang sensitifnya undang-undang adat berhubung dengan tanah hak adat Bumiputera. Tanah adat diwujudkan oleh nenek moyang sejak dahulu lagi dengan membuka kawasan-kawasan baru untuk dijadikan kawasan petempatan dan sebagai sumber keperluan seharian. Terdapat beberapa jenis tanah yang terdapat dalam masyarakat adat Bidayuh, Sarawak. Antaranya tanah *Pemakai Menoa* (kawasan hutan dara), *Temuda* (tanah pertanian), *Pendam* (tanah perkuburan), dan tanah *Pulau* (hutan tua) (Dapatan Sarawak, 2013).

Di Sarawak, tanah hak adat Bumiputera atau *Native Customary Rights Land (NCR)* merupakan aset yang sangat bernilai kepada komuniti Bidayuh. Perhubungan di antara masyarakat “orang asal” tersebut dengan tanah adat merupakan satu pertalian yang unik dan kompleks (Dapatan Sarawak, 2013). Hal ini kerana tanah adat merupakan nadi bagi komuniti tersebut dan amat bermakna kepada mereka dan ianya tidak hanya berdasarkan ekonomi semata-mata (SUHAKAM, 2013). Tanah adalah penting dan bersangkutan dalam semua aspek kehidupan komuniti tersebut meliputi sistem kepercayaan, kebudayaan, kesihatan, pengurusan sumber, pewarisan pengetahuan dan adat, perundangan, sosial, dan politik (Adibah Awang et. al, 2009). Secara ringkas, pertalian unik yang wujud di antara komuniti tersebut dan tanah merupakan tunjang kepada cara hidup dan identiti kolektif bagi mereka. Oleh itu keperluan pemilikan terhadap tanah yang diiktiraf penting untuk mewujudkan rasa kebanggaan dalam kalangan komuniti Bidayuh apabila mereka dapat mengekalkan kelangsungan warisan tanah adat dari temurun ke temurun selain dapat menjalankan pelbagai aktiviti sehariannya. Namun, kebanggaan mereka terhadap tanah adat mula tergugat dengan kewujudan isu pemilikan tanah yang dihadapi oleh komuniti Bidayuh tiada kesudahan dan penyelesaian sehingga kini.

## Metodologi kajian

Kajian perpustakaan merupakan peringkat awal dalam meneliti isu-isu konflik yang melibatkan tanah komuniti adat di Sarawak khususnya sebelum pengkaji mengenalpasti permasalahan yang timbul akibat artikel, jurnal, akbar dan laporan. Pendekatan metod kualitatif telah dipilih oleh pengkaji untuk diadaptasikan dalam menyokong penelitian-penelitian awal kajian ini. Dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan dalam menentukan sampel kajian, pengkaji telah menggunakan *focus group discussion* dan *in-depth interview* sebagai instrumen utama kajian ini. Kaedah tersebut lebih sesuai digunakan kerana pengkaji ingin mengetahui pemahaman dan nilai sebenar yang lebih mendalam terhadap kepentingan keperluan pemilikan tanah adat komuniti Bidayuh yang diiktiraf (Chan, 2011). Kaedah *focus group discussion* dijalankan dengan melibatkan pemilik-pemilik tanah adat sebagai informan kajian ini. Sepuluh orang informan akan mewakili setiap kampung yang terdiri daripada enam buah kampung di Serian, Sarawak iaitu Kg. Kekai, Kg. Mongkos, Kg. Diang, Kg. Tong Nibong, Kg. Mentu Tapu, dan Kg. Pridan. Selepas itu, pengkaji menjalankan *in-depth interview* terhadap beberapa orang pemilik tanah yang dikenalpasti dalam *focus group discussion* untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam dan terperinci lagi.

## Isu pemilikan Tanah Adat di Sarawak

Kewujudan isu pemilikan tanah adat yang dihadapi oleh komuniti Bidayuh tiada kesudahan dan penyelesaian sehingga kini. Kewujudan jurang makna dalam konteks pemilikan dan persempadanan tanah adat antara komuniti Bidayuh dengan pihak berkuasa menyebabkan komuniti adat tersebut tidak mendapat pengiktirafan hak milik tanah dalam konteks perundangan formal. Sedangkan, dari segi adat dan budaya, pemilikan tanah adat diiktiraf dalam kalangan komuniti dan pemimpin-pemimpin tempatan. Permasalahan wujud apabila pembentukan sempadan yang giat dilakukan oleh pihak berkuasa hari ini tidak mengambil kira ciri-ciri tradisional dan adat yang menjadi makna pemilikan dan persempadanan bagi komuniti Bidayuh. Bagi komuniti Bidayuh, pemilikan dan persempadanan secara tradisional yang diamalkan merupakan sesuatu yang “kabur” iaitu sesuatu yang wujud tetapi tidak kelihatan pada mata mereka (Meor Ahmad, 2001). Penetapan pemilikan dan persempadanan tanah adat dalam komuniti tersebut lebih merujuk kepada batas fizikal semula jadi seperti sungai, bukit, gunung, lurah, permatang dan batas bukan fizikal seperti sempadan kaum, etnik, agama dan petempatan dan hanya difahami oleh penduduk tempatan sahaja (Baszley Bee et al., 2009). Jurang perbezaan makna pemilikan dan persempadanan tersebut seterusnya menyebabkan pihak berkuasa negeri tidak membenarkan penggunaan peta yang dibuat sendiri oleh komuniti tempatan sebagai bukti untuk menunjukkan sempadan tanah adat (SUHAKAM, 2013).

Perbezaan tafsiran mengenai makna persempadanan dan pemilikan tanah adat yang diguna pakai oleh pihak berkuasa dan komuniti tempatan menjadi isu utama yang dikenal pasti menyebabkan tiadanya pengiktirafan tersebut (SUHAKAM, 2013). Dalam konteks kerja-kerja pengukuran tanah dan pemetaan konvensional oleh pihak berkuasa, maklumat-maklumat lisan mahupun informal tidak diambil kira. Keadaan ini telah mewujudkan permasalahan berhubung isu pemilikan dan persempadanan tanah kerana maklumat yang berkaitan dengan tradisi dan informasi lokal seperti budaya dan adat tidak diambil kira (Meor Ahmad, 2001).

Dari sudut undang-undang, definisi tanah adat terutamanya dengan merujuk seksyen 5(2), Kanun Tanah Sarawak 1957 mendefinisikan pendudukan bagi tujuan mewujudkan NCR sehingga 1 Januari 1958 secara sempit dan gagal mengambil kira amalan-amalan tradisi serta adat yang menjadi asas bagi pendudukan tanah oleh komuniti tempatan. Tafsiran sempit mengenai pendudukan berdasarkan undang-undang hanya bergantung pada wujudnya aktiviti penanaman dan penempatan serta mengetepikan ciri tradisional utama berdasarkan undang-undang adat tanah seperti kawasan hutan yang ditinggalkan bagi tujuan pemuliharaan tanah tanaman tradisional dan aktiviti pemburuan, pengumpulan hasil hutan, kawasan sejarah mereka dan kawasan pengebumian. Dalam menjalankan kerja-kerja persempadanan, pihak berkuasa Jabatan Tanah dan Survei Negeri Sarawak menekankan bahawa mereka sangat akur dengan definisi NCR sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 5(2) Kanun Tanah Sarawak 1957 (Dapatan Sarawak, 2013). Ini menyebabkan elemen-elemen yang terkandung dalam adat komuniti asal dan budaya diketepikan dalam proses penentuan pemilikan dan persempadanan tanah adat.

Marcus Colchester et al. (2008) menyatakan, pindaan-pindaan dalam undang-undang tanah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak telah menyekat hak-hak komuniti terhadap tanah adat. Contohnya, melalui pindaan 1994 yang memberi kuasa kepada menteri dalam menghapuskan hak NCR atas tanah. Selain itu pada tahun 1997, ekoran daripada keputusan kes mahkamah yang nyata berpihak kepada sebuah masyarakat adat dan tuntutan NCR mereka, kerajaan Sarawak dengan segera mengharamkan masyarakat adat membuat pemetaan tanah-tanah adat untuk kegunaan dalam mahkamah. Dalam *Land Surveyors Ordinance 2001*, sebarang kerja-kerja pemetaan komuniti atau menjalankan aktiviti atau kerja berkaitan pengukuran tanah adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti mana yang terkandung dalam Seksyen 20 dan 23 ordinan tersebut (Laws of Sarawak, 2007; Mark Bujang, 2004). Pindaan-pindaan ini diketatkan secara berperingkat-peringkat melalui definisi NCR dan peraturan-peraturan yang menyebabkan pemilikan terhadap tanah adat terbatas (Colchester et al., 2008). Pindaan-pindaan ini secara tidak langsung telah mengehadkan komuniti daripada mempertahankan hak-hak mereka terhadap tanah adat.

Rentetan daripada kepincangan dalam makna pemilikan dan persempadanan tanah adat antara komuniti adat dan pihak berkuasa, menyebabkan kewujudan pelbagai konflik yang membabitkan tanah adat. Zainal Zuhilmi (2013) menyatakan bahawa konflik tanah adat merupakan di antara isu yang hangat kerana konflik tanah adat melibatkan isu pengiktirafan hak orang asal terhadap penggunaan tanah dan harta benda, amalan adat dan budaya serta kepercayaan mereka. SUHAKAM (2013) menyatakan bahawa tiadanya pengiktirafan dalam konteks undang-undang formal terhadap pemilikan tanah adat dalam kalangan komuniti asal telah menyebabkan hak-hak sosial, ekonomi, kebudayaan dan politik komuniti terjejas. Tiadanya pengiktirafan tersebut telah menyebabkan konflik tanah yang berlaku di antara komuniti tanah adat dengan pihak berkuasa dan pihak swasta terutamanya syarikat perladangan dan pembalakan (Colchester et al., 2008).

Akibat pemilikan tanah adat yang tiada pengiktirafan oleh undang-undang, maka pemilik tanah adat lebih terdedah kepada risiko pengambilan balik tanah. Menurut Noor Ashikin et al. (2011), isu pengambilan tanah adat merupakan salah satu ancaman dan kebimbangan kepada pemilik tanah adat. Hak-hak komuniti adat terhadap tanah tidak digubal secara formal dalam undang-undang Malaysia. Sebaliknya, Kanun Tanah Negara 1965 menjadi sistem perundangan berkaitan tanah yang dikanun secara formal. Kepentingan pemilikan terhadap tanah hanya diberikan kepada pemilik yang mendaftarkan pemilikannya pada kerajaan negeri. Sebaliknya, tanah adat yang diwarisi dari generasi ke generasi melalui tradisi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran tanah mengikut undang-undang tanah Malaysia dan oleh itu, ianya diletakkan di bawah Pihak Berkuasa Negeri sedangkan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa tersebut (Mohd. Ridzuan, 1985). Kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tanah, termasuk tanah yang didiami oleh komuniti adat untuk kepentingannya. Kesan daripada perundangan tersebut, maka risiko tanah adat untuk diambil balik adalah tinggi terutama untuk tujuan tuntutan pembangunan ekonomi (Noor Ashikin et al., 2011).

Dalam aspek kegiatan ekonomi, tiadanya pengiktirafan terhadap tanah adat telah menyebabkan aktiviti-aktiviti ekonomi terutamanya pembalakan memasuki kawasan tanah adat komuniti. Menurut BRIMAS (1999), ratusan-ribu hektar tanah adat masyarakat tempatan terjejas akibat aktiviti pembalakan oleh syarikat-syarikat swasta. Pembalakan yang masih beroperasi dengan pesat di merata-rata kawasan Sarawak terutamanya di kawasan tanah adat menimbulkan banyak masalah dan mengancam kehidupan masyarakat adat yang bergantung kepada sumber-sumber hutan untuk kehidupan seharian mereka. SUHAKAM (2013) menyatakan konflik-konflik terkini yang melibatkan pembalakan, projek pembangunan dan perladangan telah memusnahkan ekologi dan menyebabkan kemusnahan alam sekitar. Tiadanya pengiktirafan kepada hak tanah komuniti adat menyebabkan pihak-pihak luar bebas memasuki tanah mereka. Dalam kes mahkamah yang membabitkan Nor Nyawai melawan Borneo Pulp Plantations Sdn. Bhd., penduduk-penduduk Rumah Luang dan Rumah Nor iaitu dua buah rumah panjang di Sepanjang Sungai Sekabai di Bintulu, Sarawak bertindak sebagai plaintif dan mendakwa defenden iaitu syarikat pembalakan tersebut telah menceroboh dan memusnahkan tanah pusaka nenek moyang mereka (Ian Chin J, 2001). Akibat tidak memiliki sebarang dokumen pengiktirafan hak milik tanah adat, penduduk-penduduk hanya boleh membuat tuntutan berdasarkan bukti kegunaan dan pendudukan eksklusif di atas tanah di bawah sistem adat dan kawalan wilayah (John Phoa, 2009). Tanah-tanah adat yang tidak mempunyai bukti pendudukan seperti hutan tidak boleh dituntut, sedangkan tanah tersebut adalah sebahagian daripada kawasan utama komuniti untuk mendapatkan sumber-sumber seharian.

Dalam usaha untuk memajukan tanah-tanah di Sarawak, sebahagian besar tanah adat telah disasarkan untuk program pembangunan tanah secara komersial oleh kerajaan negeri Sarawak. Walau bagaimanapun menurut BRIMAS (1999), kawasan tanah adat dibuka sembarangan tanpa pengetahuan dan persetujuan komuniti adat di bawah rancangan dasar pembangunan tanah adat dengan menggunakan "Konsep Baru" untuk pelaksanaan estet kelapa sawit oleh agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) serta syarikat-syarikat swasta. Dalam pembangunan "Konsep Baru", pemilik tanah adat perlu menyerahkan tanah mereka kepada pihak berkuasa selama 60 tahun untuk dibangunkan secara usahasama dengan syarikat-syarikat swasta, dengan pihak berkuasa sebagai pemegang amanah bagi pemilik-pemilik tanah adat. Namun, Majid Cooke (2002) menyatakan bahawa skim-skim pembangunan "Konsep Baru" tersebut menunjukkan

beberapa kelemahan besar. Antaranya, pembangunan yang tidak menyeluruh kepada semua masyarakat dan saiz kawasan tanah adat yang besar terpaksa dikorbankan. Colchester et al. (2008) juga menyatakan bahawa wujud ketidakjelasan bagaimana pemilik-pemilik tanah adat yang terlibat dalam skim pembangunan tersebut mendapat faedah dan bagaimana mereka menuntut semula tanah tersebut selepas tempoh 60 tahun.

Selain itu, menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh Dapatan Sarawak (2013), terdapat kewujudan isu kemasukan tanah adat ke dalam kawasan perlindungan yang diwartakan dan menyebabkan sebahagian besar pemilik tanah adat membuat bantahan. Pemilik-pemilik tanah adat menegaskan bahawa tanah tersebut merupakan tanah pusaka turun temurun dengan menjadikan kewujudan tempat penyembahan dan tapak kubur lama sebagai bukti yang menunjukkan kesinambungan kependudukan di kawasan tersebut. Namun demikian, mengikut sesetengah undang-undang seperti Ordinan Perhutanan Sarawak telah menetapkan bahawa kebanyakan daripada kawasan tersebut tidak diiktiraf sebagai tanah adat. Ini seterusnya menyebabkan kehidupan mereka disekat dengan pelbagai syarat yang dikenakan ke atas tanah adat yang dimasukkan ke dalam kawasan perlindungan tersebut.

Berdasarkan kepada permasalahan yang telah dibincangkan, pengkaji melihat konflik-konflik yang berlaku terhadap pemilik tanah adat adalah bermula dengan disebabkan wujud jurang makna dalam konteks pemilikan dan persempadanan seterusnya menyebabkan pemilikan tanah tidak diiktiraf dan tidak mempunyai dokumen pengiktirafan formal seperti geran tanah. Oleh sebab itu, tanah adat mudah terdedah dengan pelbagai ancaman seperti pencerobohan, pengambilan balik tanah dan pengeksploitasian dan seterusnya menyebabkan hak-hak sosial, ekonomi, kebudayaan dan politik komuniti adat terjejas (Syafuddin Kalo, 2004). Oleh itu, apa yang ingin diperjelaskan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah mengenai kepentingan terhadap keperluan pemilikan tanah yang diiktiraf dalam pelbagai aspek yang melibatkan komuniti tanah adat iaitu komuniti Bidayuh di Serian, Sarawak berdasarkan pandangan lokal dan budaya komuniti tersebut.

## **Komuniti Bidayuh dan hubungannya dengan Tanah Adat**

Artikel 161 (A) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Seksyen 3 Ordinan Tafsiran Sarawak (Bab 61, 2005) menyatakan komuniti Bidayuh juga dikenali sebagai “Dayak Darat” atau “Land Dayak” semasa pemerintahan kolonial. Kaum Bidayuh adalah masyarakat yang mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutama di Bahagian Serian, Kuching dan di barat Kalimantan (Ziana Anak Rumpet, 2013). Rasheed (2013) menyatakan bahawa ‘Bidayuh’ adalah istilah kolektif untuk mengelompokkan beberapa sub suku Dayak Darat. Kelompok ini digunakan untuk membezakan mereka dengan orang Iban yang biasa disebut “Sea Dayak” atau “Dayak Laut”. Istilah “Land Dayak” semata-mata didasarkan atas lokasi pemukiman mereka yang sebahagian besar berada di daerah pedalaman, hulu-hulu sungai dan dataran tinggi. Mereka terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu Selakau/Lara (Daerah Lundu), Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah kecil Bidawan) dan Bukar/Sadong (Daerah Serian). Menurut Banci 2010, kaum Bidayuh di Sarawak adalah sebanyak 8.03 peratus daripada keseluruhan penduduk di negeri tersebut iaitu, 2,471,140 orang iaitu etnik keempat terbesar selepas Iban, Cina dan Melayu.

Menurut Siang Anak Prede (2002), kehidupan masyarakat Bidayuh terangkum dalam corak dan nilai yang membentuk budaya dan sistem kepercayaan berasaskan ekologi alam semulajadi. Dalam konteks pengamalan adat dan tradisi turun-temurun, ianya sangat menggambarkan jati diri dan identiti masyarakat Bidayuh. Adat dijunjung dari generasi ke generasi supaya menjadi pedoman yang mengekal dan memelihara mereka dalam keadaan yang harmoni. Kepercayaan tersebut utuh dalam diri masyarakat kerana adat membentuk sistem nilai dan etika yang berfungsi mengawal dan menentukan tingkahlaku individu dan masyarakat. Oleh itu, salah satu elemen utama yang diperuntukkan dalam sistem adat komuniti Bidayuh bagi memastikan kelangsungan budaya dan nilai masyarakat setempat adalah tanah adatnya. Tanah adat merupakan salah satu aset yang sangat bermakna kepada komuniti Bidayuh (Siang Anak Prede, 2002). Isu tanah adat yang berlaku hari ini sememangnya menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh komuniti tersebut dalam mempertahankan kelangsungan warisan tersebut. Oleh itu,

keperluan terhadap pengiktirafan pemilikan tanah adat amat penting bagi memastikan status pemilikan yang lebih jelas dan terjamin.

### **Keperluan terhadap pemilikan Tanah Adat yang diiktiraf**

Hasil daripada pembacaan sumber-sumber sekunder dan maklumat informan dari lapangan, kajian menyimpulkan bahawa keperluan terhadap pemilikan tanah adat yang diiktiraf terdiri daripada beberapa aspek. Antaranya adalah keperluan komuniti dalam aspek sosial, ekonomi, politik dan ekologi.

Dalam aspek sosial, tanah adat penting sebagai simbol identiti budaya dan bahasa kepada komuniti Bidayuh. Ini kerana, wujud hubungan yang sangat mendalam antara komuniti dengan tanah dalam unsur-unsur sosial, kebudayaan, kerohanian, dan nilai yang diwarisi turun-temurun. Selain daripada keperluan terhadap perlindungan dan tempat tinggal, tanah juga penting kepada komuniti Bidayuh kerana kewujudan tempat-tempat keagamaan dan ritual di atas tanah-tanah adat yang suci dan bermakna. Kehidupan komuniti Bidayuh berunsurkan alam semulajadi seperti pokok-pokok dan sumber fizikal lain yang menjadi tempat penyembahan, sejarah, kerohanian atau memberi sebarang makna kepada kehidupan mereka. Oleh itu, keperluan terhadap pengekaln pemilikan kawasan tersebut amat penting kepada mereka.

Bagi komuniti Bidayuh, mengekalkan pemilikan tanah adat dari generasi ke generasi akan melahirkan rasa kebanggaan dalam diri kerana dapat mengekalkan kelangsungan warisan adat nenek moyang mereka. Baginya, ianya adalah satu-satunya harta yang sangat bernilai kepada komuniti mereka. Oleh itu, menyedari terhadap kewujudan perhubungan sosial yang unik antara komuniti Bidayuh dengan tanah adat, pelbagai pihak haruslah menghormati hak-hak mereka terhadap tanah adat.

Dalam aspek ekonomi, tanah penting sebagai sumber pencarian ekonomi tradisi mereka. Tiadanya pengiktirafan terhadap tanah adat akan menafikan mereka daripada menjalankan pelbagai aktiviti pertanian, mencari sumber hasil hutan dan memburu. Antara tanaman yang dijalankan adalah padi huma, lada hitam, dan getah. Sebagai contoh, salah satu pengamalan yang berkait rapat dengan aktiviti ekonomi adalah sambutan Hari Gawai. Sambutan tersebut adalah adat resam yang diwarisi sejak berabad lamanya bagi meraikan tamatnya musim menuai padi sebagai tanda terima kasih kepada roh dan tuhan kerana memberikan mereka hasil tuaian yang baik. Namun, jika isu tanah adat komuniti Bidayuh semakin membimbangkan mereka, tanah adat diancam oleh kuasa dan pelbagai tuntutan ekonomi yang menguntungkan pihak lain semata-mata, ianya akan mengganggu aktiviti ekonomi tradisional mereka dan akhirnya akan menyebabkan sambutan yang sedemikian tidak akan memberi sebarang makna kepada mereka. Selain daripada sumber makanan, tanah juga merupakan aset jangka panjang yang bermakna kepada komuniti Bidayuh. Ianya tidak boleh dijual apatah lagi diambil atau diceroboh sewenang-wenangnya oleh pihak luar. Oleh sebab itu, kepentingan terhadap aktiviti ekonomi yang dijalankan secara tradisi ini menyebabkan tanah adat penting kepada mereka dan tiadanya pengiktirafan akan menyebabkan wujudnya pelbagai ancaman terhadap hak tanah adat mereka.

Dalam aspek politik, pengiktirafan terhadap tanah adat penting dalam usaha untuk melindungi dan mengekalkan warisan adat mereka. Pemilikan tanah penting bagi membolehkan komuniti mempunyai kuasa dalam menentukan keputusan dan pelaksanaan pembangunan yang membabitkan tanah mereka. Dengan kuasa yang ada di atas pemilikan tanah yang diiktiraf, pemilik-pemilik tanah bebas mengawal tanah dan sumber untuk kepentingan kelangsungan hidup mereka tanpa ancaman dan campur tangan daripada pihak luar. Dari aspek penglibatan, pengiktirafan terhadap tanah adat akan memperkasa komuniti apabila segala yang berkaitan dengan tanah adat melibatkan komuniti. Sebagai contoh, penglibatan dalam pengurusan, perundingan dan perancangan pembangunan yang membabitkan tanah adat mereka. Dengan kuasa dan pengaruh yang ada, mereka berhak mengambil bahagian dalam mencorak pembangunan yang selaras dengan kehendak dan keperluan adat dan tradisi mereka.

Akhir sekali, keperluan terhadap pengiktirafan tanah adat penting kepada komuniti Bidayuh bagi memelihara dan mengekalkan persekitaran ekologi. Tanah merupakan unsur alam sekitar yang sangat penting bagi menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat mengekalkan kelangsungan hidup mereka.

Oleh itu, penekanan terhadap pemeliharaan alam sekitar harus diutamakan. Tiadanya pengiktirafan akan menyebabkan hak-hak komuniti terhadap persekitaran alam sekitar terancam. Aktiviti-aktiviti pembalakan, perladangan dan projek-projek pembangunan berskala besar menyebabkan kepada kemusnahan sistem ekologi, kepupusan haiwan, dan pencemaran seterusnya akan menjejaskan sumber pencarian makanan mereka, persekitaran tempat tinggal, dan gangguan-gangguan lain. Oleh itu, pengeksploitan terhadap persekitaran alam sekitar komuniti Bidayuh ini dapat dielakkan jika komuniti mendapat pengiktirafan pemilikan tanah yang jelas.

## Kesimpulan

Isu berkaitan pemilikan tanah adat komuniti Bidayuh dan komuniti-komuniti lain di Sarawak perlu diberikan perhatian sewajarnya agar hak-hak mereka tidak dinafikan. Pihak Berkuasa Negeri khususnya haruslah mengambil pendekatan yang lebih efektif dalam menyelesaikan isu ini. Antaranya ialah pendekatan “*win-win situation*” yang lebih menekankan pandangan lokal dan mengambil kira tradisi dan adat komuniti setempat supaya perancangan dan pelaksanaan pembangunan yang dijalankan selaras dengan kehendak mereka.

## Rujukan

- Adibah Awang, Abdul Hakim bin Mohammed, Abdul Hamid Hj. Mar Iman (2009) Pembangunan harta tanah dan pelestarian alam. Seminar Pembangunan Harta Tanah Menurut Perspektif Islam.
- Baszley Bee Basrah Bee, Sabihah Osman, Nordin Sakke (2009) *Asas kajian persempadanan Negeri Sabah*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah, Sabah.
- Brimas (1999) Deklarasi perayaan Gawai Kelingkang: Nerabai Menoa 1999. [cited 15 April 2014]. Available from: [http://brimas.www1.50megs.com/Deklarasi\\_Gawai.htm](http://brimas.www1.50megs.com/Deklarasi_Gawai.htm).
- Chan Yan Piaw (2011) *Kaedah penyelidikan (Kaedah dan statistik penyelidikan)*, Edisi Kedua. McGraw-Hill Malaysia, Kuala Lumpur.
- Dapatan Sarawak (2013) *Laporan Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- Ian Chin J (2001) Nor Anak Nyawai & Ors v Borneo Pulp Plantation Sdn Bhd & Ors. *Malayan Law Journal* 6, 241-298.
- Jabatan Tanah Dan Servei Sarawak (2011) *Dasar Tanah di Sarawak*. Jabatan Tanah Dan Servei Sarawak, Sarawak.
- John Phoa (2009) Protecting Native Customary Rights: Is legal recourse viable alternative? *Akademika* 77 (Disember), 69-89.
- Laws of Sarawak (2007) Chapter 36, State Financial Secretary (Incorporation) Ordinance. The Commissioner of Law Revision, Sarawak.
- Majid Cooke (2002) Vulnerability, control and oil palm in Sarawak: Globalization and a New Era? *Development and Change* 33 (2), 189-211.
- Marcus Colchester, Wee Aik Pang, Wong Meng Chuo, Thomas Jalaong (2013) *Tanah menyara hidup: Hak-hak tanah dan pengembangan perladangan kelapa sawit di Sarawak*. Moreton-in-Marsh & Bogor. Forest People Programme dan Perkumpulan Sawit Watch.
- Mark Bujang (2004) A community initiative: Mapping Dayak's Customary Lands in Sarawak. Paper Presented at The Regional Community Mapping Network WORKSHOP, Diliman, Quezon City, Philippines.
- Meor Ahmad (2001) Konsep sempadan negeri dalam masyarakat. *Jati* 6.
- Mohd. Ridzuan (1985) Pengambilan balik tanah: Satu kajian mengikut Undang-undang Sivil dan Islam. *ISLAMİYAT* 6, 3-24.

- Noor Ashikin Hamid, Noraida Harun, Nazli Ismail@Nawang (2011) Pengambilan tanah bagi pembangunan ekonomi: Isu dan penyelesaian. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* **15**, 135-148.
- Siang Anak Prede (2002) *Adat dalam masyarakat Bidayuh: Peranan dan sumbangan masyarakat dalam mencorakkan tamadun pribumi Sarawak*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- SUHAKAM (2013) Laporan Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli.
- Ziana Anak Rumpet (2013) Suku Kaum Bidayuh. Jabatan Peguam Negara. [cited 15 April 2014]. Available from: [www.agc.gov.my](http://www.agc.gov.my).